

**Lebih 2,000 berhimpun menuntut pembebasan Adam Adli**  
**Malaysian Insider**  
**Mei 20,2013**

KUALA LUMPUR, 21 Mei — Lebih 2,000 orang berhimpun untuk menuntut pembebasan aktivis mahasiswa Adam Adli Abdul Halim di hadapan Balai Polis Jinjang di sini malam tadi.

Mereka berkumpul secara aman sambil menyalakan lilin sebagai tanda sokongan moral kepada Adam Adli yang ditahan di bawah Seksyen 4 Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 124(b) Kanun Keseksaan itu.

Menurut portal Harakahdaily, lebih 2,000 rakyat dari pelbagai kaum, tua dan muda berhimpun bagi menunjukkan sokongan padu kepada beliau yang kini direman selama lima hari.

Kebanyakan yang hadir memakai baju hitam sebagai tanda sokongan kepada perjuangan Black 505 bagi membantah keputusan Pilihan Raya 2013 yang dikatakan tercemar dengan penipuan.

Di antara yang hadir adalah Nurul Izzah Anwar, Datuk Ambiga Srevanasan dan kedua ibu bapa Adam Adli sendiri.

Ketua Pemuda PAS Nasrudin Hassan turut mengecam penahanan Adam Adli yang dianggap sebagai satu tindakan yang tidak bertamadun.

"Saya mewakili seluruh warga Dewan Pemuda PAS Malaysia, mendoakan agar Adam Adli tidak patah semangat mendepani ujian getir perjuangan ini," kata ahli Parlimen Temerloh itu dalam satu kenyataan semalam.

"Serentak itu kami mengecam sekeras-kerasnya tindakan tidak bertamadun yang dilakukan oleh pihak berkuasa ke atas saudara Adam Adli," tambah beliau lagi.

Pada 18 Mei lalu, Adam Adli (gambar) ditahan di lokap Balai Polis Jinjang bersabit dengan satu siatan di bawah seksyen 4 (1) Akta Hasutan 1948.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh pada Ahad mengesahkan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang sedang digantung itu ditahan reman sehingga Khamis ini.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan seorang Majistret di Balai Polis Jinjang, tengah hari semalam.

"Adam Adli ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung kenyataannya yang menghasut orang ramai menggulingkan kerajaan menerusi demonstrasi jalanan yang dibuatnya baru-baru ini," katanya.

Dalam satu forum pada 13 Mei lalu, Adam Adli dilaporkan telah mencadangkan untuk mengadakan demonstrasi jalanan, dengan berkata: "Pilihan raya tidak akan menyingkirkan kerajaan, kuasa rakyat yang akan melakukannya."

Pemimpin pergerakan Asalkan Bukan Umno (ABU) Haris Ibrahim juga pada forum sama

berkata kerajaan hanya boleh ditumbang menerusi demonstrasi jalanan.

Walau bagaimanapun, Pakatan Rakyat (PR) telah menjauhkan diri daripada gesaan demonstrasi jalanan selepas keputusan Pilihan Raya 2013 meskipun mendakwa terdapat banyak penipuan berlaku.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan minggu lalu PR akan kekal mengadakan perhimpunan tertutup "untuk meluahkan rasa marah" terhadap penipuan undi pada pilihan raya umum 5 Mei baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi PKR Nik Nazmi Nik Ahmad telah didakwa di bawah Akta Perhimpunan Aman (PAA) 2012 minggu lalu ekoran kegagalan memberitahu pihak polis dalam tempoh 10 hari untuk berhimpun di Stadium MBPJ, Kelana Jaya pada 8 Mei lalu.

Beliau bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dipetik berkata dalam Utusan Malaysia minggu lalu menegaskan tidak akan berkompromi dengan pembangkang jika mereka menganjurkan bantahan jalanan untuk menumbangkan kerajaan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/lebih-2000-berhimpun-menuntut-pembelasan-adam-adli/>